

14 OCT 1997

KEMENTERIAN PERTANIAN ATUR PELBAGAI STRATEGI HADAPI KRISIS MATA WANG

SEKINCHAN, 14 Okt (Bernama) -- Kementerian Pertanian telah mengatur pelbagai strategi untuk mengurangkan import serta meningkatkan eksport barang makanan selaras dengan usaha menangani krisis mata wang kini.

Menteri berkenaan Datuk Dr Sulaiman Daud berkata beliau telah memanggil semua exco pertanian negeri awal bulan ini bagi mencari jalan terbaik untuk melaksanakannya.

"Semua sepakat bahawa seboleh-bolehnya kita akan hanya mengimport bahan makanan yang tidak dapat dikeluarkan oleh pengusaha tempatan, itupun kita akan berusaha mengurangkannya," katanya pada sidang berita selepas merasmikan pelancaran penganugerahan MS ISO 9002 kepada kompleks Bernas di sini hari ini.

Bagaimanapun menurutnya kerajaan akan berusaha memastikan harga bahan yang dikurangkan importnya itu tidak melambung naik sehingga membebankan pengguna.

Sulaiman juga berkata dua pakar daripada Royal Agriculture College, United Kingdom yang tiba semalam akan dibawa membuat tinjauan dari udara daerah Padang Terap, Sik dan Baling, kawasan yang dicadangkan untuk dimajukan dengan projek pertanian berskala besar.

Menurutnya semalam pakar-pakar itu telah berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan beliau, mengenai usaha memajukan kawasan terbabit sebagai kawasan pertanian dan kemungkinan juga pelancongan.

Sulaiman turut melancarkan beras baru keluaran Bernas jenama "Sekinchan". -- BERNAMA

AZH RON